

05 JUL 1996

Rencana Bernama (Bergambar)

MENCAPAI KEDEWASAAN DENGAN KAEDAH SELAMAT

Oleh: ROSLIWATY RAMLY

KUALA LUMPUR: Arief, yang baru berusia 10 tahun agak gementar bila hendak dikhatankan. Ketika melangkah ke bilik bedah untuk menjalani upacara yang akan mengangkat dirinya ke status seorang dewasa dalam masyarakat Islam, terbayang di benaknya percikan darah dan kesakitan yang akan dilalui.

Namun, bayangan yang menghantuinya muncul hanya sementara, bila diberitahu ia akan menjalani upacara yang cukup mudah dan selamat tanpa memancarkan walaupun setitis darah.

Ini dimungkinkan dengan adanya teknologi yang paling canggih untuk melakukan khatan dengan menggunakan apa yang dipanggil alat khatan "Tara KLamp".

Alat ini menggunakan konsep penolakan tisu yang tidak menitiskan darah, tanpa memerlukan jahitan atau balutan, dan mengurangkan prosedur dari 30 minit ke hanya lima minit.

Seseorang yang baru berkhatan boleh memakai seluar serta merta dan bergerak atau bekerja seperti biasa.

Teknik "non-invasive" ini dan rekabentuk alatnya bertujuan mengurangkan risiko dan mengelak kemungkinan jangkitan kuman semasa khatan dilakukan.

Alat tersebut yang telah diuji dengan jayanya di dalam dan luar negara kini boleh didapati oleh mereka yang hendak melakukan khatan tanpa mengira usia.

Kaedah "sepit dan potong" ini tidak saja membolehkan khatan mudah dan selamat dilakukan tetapi juga tidak menimbulkan sakit.

Alat yang mudah dibuang dan siap di "sterilise" adalah untuk kegunaan sekali saja dengan itu mengelak risiko jangkitan kuman seperti virus HIV.

Pencipta alat ini ialah Dr T. Gurcharan Singh, pengerusi Taramedic Corporation Sdn Bhd. Beliau mengambil masa 20 tahun melakukan penyelidikan intensif, dengan menerima sebahagian bantuan penyelidikan dari Kerajaan Malaysia RM163,000.

Merujuk kepada label pada alat itu, beliau berkata "KL" bermaksud alat berkhatan teknik "non-invasive" itu pertama diperkenalkan oleh rakyat Malaysia.

Lebih menyeronokkan beliau sekarang ialah prospek perniagaan dan pemasaran yang memerlukan beliau merantau ke setiap pelusuk dunia untuk mempromosi ciptaannya sejak diperkenalkan di kalangan perubatan tempatan setahun lalu.

Bakal dikeluarkan secara besar-besaran di Taman Teknologi di Kuala Lumpur, alat itu akan dijual dengan harga berpatutan. Sebuah pusat juga akan dibina di Taman Teknologi untuk melatih para doktor dan paramedik mengenai penggunaan alat itu.

Dr Gurcharan Singh memberi jaminan bahawa alat itu mudah digunakan, malah "Tok Mudim" dengan berbekalkan sedikit latihan, boleh mengendalikannya dengan senang.

Mengimbas kembali, beliau berkata, ia bermula di klinik swastanya di Kuala Kangsar pada 1973 di mana beliau merawat para pesakit yang mendapat jangkitan penyakit dan bengkak pada zakar akibat berkhatan yang tidak dilakukan dengan baik di tempat lain.

Beliau percaya jangkitan penyakit dan pendarahan terus berlaku kerana semua kaedah atau teknik berkhatan yang dicipta sebelum itu, pembedahannya bersifat "invasive."

Ngeri dengan senario itu, beliau merasakan bahawa kesakitan itu boleh

dikurangkan dengan mencari alternatif dalam pembedahan. Justeru itu, beliau menutup kliniknya di Kuala Kangsar pada 1983 dan berpindah ke Kuala Lumpur untuk meneruskan penyelidikannya secara intensif.

Dan beberapa tahun kemudian, beliau menemui jawapannya yang terletak pada kaedah "non-invasive".

Dr Gurcharan Singh berkata alat itu pertama kali dihebahkan untuk pengetahuan rakyat Malaysia di pameran MINDEX/INNOTEX'95 di mana beliau meraih pingat gangsa untuk ciptaannya itu.

Dianggap sebagai pencapaian terbaru dalam teknik berkhatan, Dr Gurcharan Singh teringat akan ucapan tahniah dan kata-kata perangsang "Terus maju" yang diucapkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika beliau melawat pameran itu.

Beliau turut memenangi dua pingat emas, tiap-tiap satu di Pameran Antarabangsa Mengenai Rekaan-rekaan 1996 di Geneva dan Pameran Dunia Mengenai Rekaan dan Inovasi di Morocco.

Alat itu telah diberikan hakcipta oleh Patent Cooperation Treaty, the European Patent office, Munich, Jerman dan beberapa negara lain di bawah Paris Convention.

Ia juga memperolehi kelulusan Pusat Islam dan Kementerian Kesihatan dan kini ciptaannya menembusi setiap pelusuk dunia di mana berkhatan dilakukan atas anjuran agama atau keperluan kesihatan.

Dan, kemungkinan berkhatan tidak lagi dipandang sebagai sesuatu yang menggerunkan, sakit atau takut mati kerana pendarahan atau bimbangkan jangkitan.

Ia juga boleh menamatkan putaran sosial di mana berkhatan tidak perlu lagi menunggu musimnya iaitu ketika cuti sekolah.

Untuk keterangan lanjut, hubungi Taramedic Corporation Sdn Bhd, tel: 03-9321590 atau 2553892. -- Bernama